



SEORANG lelaki Menno mengusahakan kedai keju di Cuauhtemoc, Mexico.

MASYARAKAT Menno mengisi diet mereka dengan hasil ladang yang diusahakan sendiri.



WANITA ini menyalin bekaln susu yang diperolehnya daripada ladang ternakan.

Kitaran kehidupan peladang Menno

KOSMO 26/12/12 MS24

Masyarakat peladang Menno mahu berhijrah seperti nenek moyang mereka memandangkan nasib tidak menyebelahi mereka di Mexico.

SERUPA lebih seabad peladang Menno meninggalkan Rusia untuk ke Amerika Utara dengan tujuan mencari tanah baharu dan kebebasan beragama, beratus-ratus keturunan mereka di Mexico sedang memikirkankan tentang masa depan hidup mereka.

Kekurangan tanah ladang, kemarau panjang dan konflik perang telah memuatkan peladang Menno di utara Mexico tertanya-tanya sama ada tindakan untuk kembali ke kawasan pertanian mereka di timur Eropah suatu keputusan yang terbaik atau sebaliknya.

Sehubungan itu, 11 delegasi Menno Mexico akan pergi ke Tatarstan di sempadan selatan Rusia-Eropah. Mereka mahu meninjau tanah tersebut yang dikatakan mampu menyelamatkan masa depan anak cucu mereka.

"Kami mahukan jaminan masa depan anak cucu kami," kata Peter Friesen, 59, salah seorang peladang yang telah mengembara ke bandar Aznakayeyo pada Ogos lalu. Friesen merupakan cucu cucu peladang Menno yang lahir di tanah jajahan Rusia itu.

Kesengsaraan

Masyarakat istimewa itu mendapat nama tersebut sempena ketua Anabaptis abad ke-16, Menno Simons daripada etnik Frisian di Jerman.

Merupakan keturunan radikal Anabaptis Protestan dari Jerman, Switzerland dan negara-negara Barat Laut Eropah pada kurun ke-16, orang Menno dahulunya telah menolak hierarki gereja dan khidmat ketenteraan.

Selepas bertahun-tahun melalui kesengsaraan, peladang Menno mengambil keputusan untuk berada di bawah naungan pemerintah yang mahu mengeksploitasi dedikasi mereka terhadap pertanian dan sifat berjimat cermat.

Ramai peladang Menno seperti Friesen yang menjalani kehidupan di di bandar Cuauhtemoc menyusuri asal usul keluarga mereka yang pernah mendiami tanah jajahan era imperialis

Rusia pada kurun ke-18 itu.

Ketika zaman nasionalis Eropah, kebebasan mereka disekat hingga menyebabkan mereka mula meninggalkan Amerika Utara pada 1870-an. Ramai yang turut berhijrah ketika zaman Revolusi Bolshevik dan perang dunia.

Masih bercakap bahasa Plautdietsch iaitu dialek unik gabungan Jerman Barat, Prusia dan Belanda, masyarakat Menno yang datang ke negeri Chihuahua, Kanada pada 1920-an telah mengubah selatan Mexico menjadi model tanah ladang yang mengeluarkan bertant-tan jagung, soya, susu dan keju.

Ketika ladang di Chihuahua mengeluarkan banyak hasil, bilangan orang Menno juga semakin bertambah.

Tertekan di Mexico

Memakai seluar kain kapas polos, baju T gelap dan bertopi, Friesen menggunakan bahasa mudah dan pendek di Sepanyol. Mukanya perang akibat berjemur selama bertahun-tahun untuk menuai tanaman di bawah terik matahari di Chihuahua, sebuah kawasan yang lebih besar daripada Britain.

Dia hanya akan bertutur dalam bahasa Plautdietsch jika telefon bimbitnya berbunyi. Nada percakapan yang keluar daripada mulutnya lebih lembut daripada bahasa Jerman dan lantaran itu, ia tidak dapat difahami oleh kebanyakan orang yang bercakap menggunakan bahasa moden.

"Bangsa kami sentiasa mahu ke hadapan dan itu yang tidak dapat dilakukan di Mexico. Semuanya telah diambil," kata bapa kepada 13 anak dan datuk kepada 25 cucu itu.

Bagi Enrique Voth yang turut berhijrah ke Tatarstan, dia memberitahu bahawa tanah ladang boleh dibeli di sana pada harga satu per sepuluh daripada di Mexico.

"Kami perlukan 10 kali ganda berbanding apa yang kami miliki pada hari ini," kata bapa kepada 11 anak itu.

Jelas Friesen, lebih kurang 100 ke-

luarga masih belum membuat keputusan untuk pergi ke Rusia kerana masih belum menemui sebidang tanah yang cukup buat mereka.

Tanah subur

Mata biru Friesen bersinar apabila dia bercakap tentang tanah hitam, beriklim sederhana dan kaya dengan sumber air yang terdapat di Tatarstan.

Pernah menjadi sebahagian daripada Empayar Emas Mongol yang berkuasa hingga ke Asia Tengah dan Eropah Timur, republik itu mempunyai pelabuhan dan kawasan yang subur dengan sumber air dari Sungai Volga serta Kama.

Dengan baki seramai 7,000 orang di Mexico, peladang Menno yang selebihnya begitu tabah meneruskan hidup di tempat lain.

Tiga per empat kawasan ladang di Chihuahua ditanam dengan jagung. Namun, kebanyakan ladang itu disewa dan hak pemilikan tanah mereka terlalu kecil berbanding populasi.

Pengarah Peladang Tempatan Menno (ACACSA), Peter Stoesz berkata, populasi peladang Menno di Chihuahua kini bertambah kepada 60,000.

Berdasarkan rekod, peladang Menno di Chihuahua pada mulanya mengusahakan tanah seluas 100,000 hektar dan kini keluasannya tidak melebihi 250,000 hektar.

Sejak kemarau tahun lalu, kekurangan tanah dilihat begitu meruncing. Wujud pula dakwaan daripada peladang pesaing yang dikenali sebagai Barzonista, yang menuduh peladang Menno menimbus 200 perigi haram untuk



ANAK-ANAK masyarakat Menno ini mengikuti kelas khusus buat mereka di Filadelfia, Paraguay.

mengairkan ladang seterusnya menjejaskan bekalan air.

Kerajaan Chihuahua mendakwa mereka menemui beberapa dozen perigi yang digali menggunakan permit palsu. Cara permit itu diperolehi masih disiasat dan Barzonista amat marah terhadap perkara itu.

"Kami berada di pihak yang rugi tetapi kami juga bangsa Mexico," kata Jacko Rodrigues, salah seorang peladang Barzonista yang percaya peladang Menno mendapat layanan istimewa berhubung perbalahan mengena air. - Reuters